

KEBENARAN MENDEPOSIT KE DALAM SISTEM UUM ETD

Saya dengan ini menyerahkan tesis untuk disimpan kekal oleh UUM dan diuruskan oleh PSB, dan bersetuju dengan terma-terma berikut:

1.0 Hakcipta

1.1 Hakcipta bahan yang diserahkan sebagai sebahagian dari keperluan pengijazahan adalah kekal hak pengarang, melainkan dinyatakan sebaliknya dan dinyatakan dengan persetujuan bertulis dengan mana-mana pihak.

1.2 Sekiranya saya menggunakan mana-mana bahan yang bukan milik saya, saya telah memperolehi kebenaran dari pemilik hakcipta dan saya sertakan surat kebenaran tersebut bersama-sama borang ini.

1.3 Saya mengesahkan bahawa saya telah memperolehi kebenaran dari pihak yang terlibat dalam tesis/disertasi ini seperti penaja, pembekal data dan lain-lain.

2.0 Hak Tidak Eksklusif

2.1 Hak yang diberikan kepada UUM adalah tidak eksklusif dan bebas dari sebarang royalti.

2.2 Saya bebas untuk menerbitkan tesis dalam versi yang sedia ada ataupun versi lain di tempat lain.

2.3 Saya membenarkan UUM menukar format tesis, tanpa mengubah kandungan tesis, bagi tujuan penyimpanan dan pemeliharaan.

3.0 Deposit ke UUM ETD

3.1 Saya faham bahawa metadata tesis/disertasi termasuk abstrak akan boleh diakses oleh pengguna sebaik sahaja ianya didepositkan ke UUM ETD.

3.2 Seperti kehendak saya dibawah, teks penuh tesis akan dapat diakses oleh pelbagai individu termasuk agen automatik melalui Internet sebaik sahaja tamat tempoh sekatan yang ditetapkan.

4.0 Mukasurat Hakcipta

4.1 Saya faham bahawa sesiapa yang mengakses ethesis akan melihat mukasurat Hakcipta seperti berikut sebagai muka depan tesis:

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.

Deklarasi Pelajar:

Saya telah diterangkan dan faham serta bersetuju dengan perkara-perkara berikut:

1. Saya mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian ini, dan dengan ini menyerahkan hak kepada Universiti Utara Malaysia untuk menyediakan tesis/disertasi seperti diatas;
2. Mana-mana kesilapan dalam kandungan tesis/disertasi ini merupakan tanggungjawab saya selaku pengarang;
3. Saya telah berusaha untuk memastikan tesis/disertasi adalah asli dan tidak melanggar hakcipta sesiapa;
4. Tesis ini tidak mengandungi maklumat sulit kepunyaan individu atau organisasi lain, dan kebenaran bertulis telah diperolehi dan disertakan dengan borang kebenaran ini.

Sila tanda (✓) yang berkaitan

- ☐ Saya membenarkan e-tesis saya diterbitkan dalam talian secara teks penuh
- ☐ Saya membenarkan e-tesis saya diterbitkan dalam platform pihak ketiga (seperti Proquest ETD, OCLC, dan pangkalan data atas talian lain) secara teks penuh bagi tujuan meningkatkan visibiliti
- ☐ Saya tidak membenarkan e-tesis saya diterbitkan dalam talian secara teks penuh
- ☐ Saya membenarkan teks penuh e-tesis saya berada dalam talian bulan selepas diserahkan [lihat nota 1]

Sebab sekatan:

- | | |
|--------------------------|-----------------------------|
| ☐ | Kontrak komersil |
| ☐ | Menunggu paten |
| ☐ | Hakcipta pihak ketiga |
| ☐ | Perlindungan data |
| ☐ | Menunggu penerbitan |
| ☐ | Lain-lain : (sila nyatakan) |

NAMA

NO. MATRIK

TANDATANGAN

NO.KAD PENGENALAN/PASPORT

TAJUK TESIS/DISERTASI

TARIKH

Pengesahan Penyelia

NAMA

TANDATANGAN

TARIKH

COP RASMI

Nota

1. Bahan Yang Mempunyai Hakcipta Pihak Ketiga

Salinan kebenaran dari pihak ketiga hendaklah disertakan dengan borang ini.

Namun, Universiti mengiktiraf bahawa terdapat kebenaran yang tidak dapat diperolehi. Jika keadaan ini berlaku, sila berbincang dengan penyelia anda untuk meletakkan bahan tersebut di lampiran yang tidak termasuk dalam kandungan utama ataupun mengeluarkannya dari tesis/disertasi.

Pastikan kesinambungan tesis anda tidak terjejas dengan langkah ini. Jika tidak, akses tesis anda terpaksa disekat.

2. Sekatan

Sekatan didalam borang ini merujuk kepada versi e-tesis sahaja.

Tesis yang disekat tidak boleh diberi pinjam kepada pengguna lain melalui Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) walaupun versi cetakan tidak disekat.

Sekatan adalah tidak melebihi 3 tahun dan Universiti akan menggunakan pertimbangan sewajarnya sekiranya sekatan melebihi tempoh tersebut.

Sekatan e-tesis hendaklah dipohon berdasarkan sebab-sebab berikut:

a. Kontrak Komersil

Kontrak penaja menyatakan bahawa tesis hendaklah sulit untuk tempoh tertentu

b. Menunggu Paten

Universiti atau penaja memohon untuk mendapatkan paten bagi ciptaan yang dinyatakan didalam tesis. Tesis akan disekat sehingga paten dikeluarkan.

c. Hakcipta Pihak Ketiga

Tesis yang dilindungi hakcipta pihak ketiga akan disekat sehingga bahan tersebut bebas dari hakcipta, melainkan ianya boleh dikeluarkan dari tesis seperti di dalam Nota 1.

d. Menunggu Penerbitan

Terdapat penerbit yang menganggap tesis yang boleh didapati umum sebagai penerbitan terdahulu. Jika ingin menerbitkan bahan dari tesis tersebut, anda boleh memohon untuk meletakkan sekatan kepada tesis tersebut.

e. Perlindungan Data

Pekara ini akan diputuskan semasa pembentangan cadangan kajian oleh Jawatankuasa yang terlibat.

f. Lain-lain

Keperluan ini adalah bergantung kepada jenis penyelidikan yang dijalankan. Anda mempunyai pilihan untuk menjadikan bahan sebagai lampiran dan mengehadkan akses lampiran sahaja.